



1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pihak berkuasa berharap jika masyarakat dapat menjalankan tanggungjawab untuk menangani masalah vandalisme yang berleluasa sejak akhir-akhir ini.

	Kesalahan	Pembetulan
A	jika	agar
B	menjalankan	menjalani
C	untuk	supaya
D	akhir-akhir	akhir

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kita haruslah melipatgandakan usaha untuk mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam pelajaran.

	Kesalahan	Pembetulan
A	haruslah	dapatlah
B	melipatgandakan	melipatganda
C	untuk	semoga
D	di dalam	dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tempat yang mula-mula kami lawati semasa berkunjung ke Kuala Lumpur adalah Bangunan Sultan Abdul Samad.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kami lawati	dilawati oleh kami
B	semasa	lantaran
C	ke	di
D	adalah	ialah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Sekawan lembu yang sedang meragut rumput di padang ragut itu adalah lembu-lembu milik Tuan Dahlan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Sekawan	Segerombolan
B	meragut	memakan
C	adalah	ialah
D	milik	dimiliki

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Sekumpulan pendatang asing telah ditahan dengan pihak berkuasa semalam kerana memasuki negara ini tanpa memiliki dokumen perjalanan yang sah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Sekumpulan	Sepasukan
B	telah	akan
C	dengan	oleh
D	kerana	kecuali

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Beberapa batang sungai utama di negara kita telah dicemari akibat pembuangan sisa pepejal oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Beberapa batang sungai	Beberapa buah sungai
B	dicemari	tercemar
C	sisa pepejal	pepejal sisa
D	tidak	bukan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ubat batuk yang diberikan oleh doktor itu saya menyimpan di dalam peti sejuk.

	Kesalahan	Pembetulan
A	yang	bahawa
B	oleh	dengan
C	saya menyimpan	saya simpan
D	di dalam	dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Mereka terdiam apabila mendengar kata-kata Encik Fadhil.
II Dia terpijak paku semasa bekerja di tapak pembinaan semalam.
III Pemuda yang terlibat dalam kemalangan itu telah dikejarkan ke hospital.
IV Berita tentang kejayaan syarikat pengangkutan itu terpancar dalam surat khabar.

- ☐ A I dan II sahaja
☐ B III dan IV sahaja
☐ C I, II dan III sahaja
☐ D II, III dan IV sahaja

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kami berasa gembira kerana Naufal telah dilantik seperti kapten pasukan hoki sekolah kami semalam.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kerana	sewaktu
B	telah	akan
C	seperti	sebagai
D	kami	kita


- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Keris merupakan senjata utama masyarakat Melayu di zaman dahulu dan kini menjadi warisan yang berharga.

	Kesalahan	Pembetulan
A	merupakan	adalah
B	di	pada
C	dan	lalu
D	yang	kerana

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D



11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Adila menghidangkan berbagai jenis kuih kepada kami sewaktu kami mengulang kaji pelajaran di rumahnya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menghidangkan	menghidangi
B	berbagai	berbagai-bagai
C	sewaktu	setelah
D	di rumahnya	di rumah beliau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Puan Kamala Devi berkurung di dalam biliknya sejak semalam sebab anak kesayangannya meninggal dunia secara mengejut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	berkurung	mengurung
B	di dalam	dalam
C	sejak	daripada
D	sebab	kerana

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bahan nota dalam buku ini lebih komprehensif dari bahan nota dalam buku terbitan syarikat lain.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dari	daripada
B	dalam buku	di dalam buku
C	terbitan	penerbitan
D	syarikat lain	syarikat lain-lain

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



"Saya ingin meminta maaf pada kamu atas kesilapan yang telah saya lakukan selama ini," kata Yuhanis kepada Shima.

	Kesalahan	Pembetulan
A	saya	kami
B	pada	daripada
C	kamu	kalian
D	saya lakukan	dilakukan oleh saya

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pelancong-pelancong daripada Australia itu kebingungan seperti rusa masuk kampung apabila mereka disuruh menepung tawar pasangan pengantin itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	daripada	dari
B	seperti	sebagai
C	mereka	dia
D	menepung tawar	menawar tepung

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Malaysia banyak menawarkan destinasi yang teramat menarik sekali untuk dikunjungi oleh para pelancong asing dan rakyat tempatan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menawarkan	tawaran
B	teramat menarik sekali	teramat menarik
C	untuk	supaya
D	para	para-para

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Pemberita yang berada di lokasi kejadian tanah runtuh itu akan melaporkan kejadian tersebut dari masa ke semasa kepada orang ramai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	pada
B	tanah runtuh	runtuh tanah
C	melaporkan kejadian	melaporkan tentang kejadian
D	dari masa ke semasa	dari semasa ke semasa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Balqis takut hendak mandi di sungai kerana dia bukan pandai berenang.

	Kesalahan	Pembetulan
A	hendak	patut
B	di	ke
C	kerana	apabila
D	bukan	tidak

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Lelaki yang sedang mengecat pintu pagar itu adalah bapa saudara saya," kata Maisarah kepada Lai Kuan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sedang	belum
B	pintu pagar	pagar pintu
C	adalah	ialah
D	saya	kita

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Hamba akan berusaha sedaya upaya untuk menewaskan lanun yang bermaharajalela di perairan negeri kita ini, tuanku," sembah Hang Tuah kepada Sultan Melaka.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Hamba	Patik
B	untuk	agar
C	di	ke
D	kita	kami

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D